



# MENYATUPADUKAN GENERASI

EDISI  
KANAK-KANAK



NEC  
MALAYSIA

40-Hari Berpuasa & Berdoa 2010  
8 Ogos - 16 September



# MENYATUPADUKAN GENERASI



**40-Hari Berpuasa & Berdoa 2010**  
8 Ogos - 16 September

**Hai anak-anak!**

**Selamat datang kepada Doa & Puasa 2010!!!**

Pernahkah kamu menyertai 40 hari berdoa dan berpuasa?


Jika ya, SELAMAT kembali!

Sekiranya inilah kali yang PERTAMA untuk kamu menyertainya,  
selamat datang!

Inilah masa yang khas apabila orang Kristian dari seluruh Malaysia  
bersetuju untuk berpuasa & berdoa pada masa yang sama dalam satu tahun.

Sama ada kamu berumur 6 tahun atau 98 tahun, kamu boleh menyertai  
acara ini. Tuhan kita yang maha besar tidak melihat pada umur atau bentuk  
tubuh kamu, sama ada kamu muda atau tua, pendek atau tinggi, gemuk atau  
kurus... tetapi Dia melihat dengan lebih dalam, jauh ke dalam hati.

Adakah kamu mahu menyenangkan hati Tuhan?



Saya berdoa dengan senyap untuk kamu semua pada masa ini ... supaya Tuhan bercakap kepada kamu melalui Roh Kudus-Nya... supaya Dia memberi kamu hati yang terbuka terhadap-Nya, dan supaya Dia akan menolong kamu untuk menjadikan Dia lebih penting daripada semua yang lain... bahkan lebih penting daripada diri kamu sendiri & keinginan kamu.

Ya, memang Tuhan ingin supaya kita mengasihi Dia dengan SEPENUH hati kita... dengan segala sesuatu yang kita punyai... kerana Dia adalah Tuhan & kita adalah kepunyaan-Nya! Kita perlu mengasihi Dia, dan bercakap dengan Dia, dan mendengarkan Dia, dan menganggap penting apa yang DIA anggap penting.

### **Jadi... adakah kamu bersedia??**

Masa 40 hari ini akan menjadi hari-hari yang seronok... kamu tahu kenapa?

Kerana inilah masanya bagi kamu untuk bertumbuh & mengenal Tuhan dengan lebih baik!

Inilah masanya apabila kamu dapat bekerjasama dengan Tuhan & dengan orang Kristian yang lain untuk melakukan apa yang DIA inginkan berlaku di Malaysia!



## Berjanjilah

Masa 40 hari adalah tempoh yang lama untuk berdoa & berpuasa.

Ini seperti larian maraton... kamu bersemangat pada permulaan... baru menjadi lebih bersemangat apabila kamu berdoa... kemudian selepas beberapa hari, kamu mungkin merasa agak penat... bosan... bersemangat semula... letih... lalu akhirnya kamu melihat garis penamat... dan kamu merasa lega, penat dan gembira kerana kamu sudah menamatkan perlumbaan!

Doa & Puasa sangat berguna dan tidak rugi untuk mengasingkan masa & berusaha untuk melakukannya, TETAPI ini memang suatu cabaran. Oleh itu, SANGAT PENTING bagi kamu untuk mengambil keputusan sekarang supaya apabila kamu mula, kamu akan menamatkannya.

Hal-hal berikut akan membantu dalam Doa & Puasa kamu.:

Berapa lama kamu hendak bercakap dengan Tuhan dalam satu hari?

10 minit? 20 minit? Setengah jam?

Apabila kamu berpuasa, kamu berpuasa daripada apa?  
Biasanya, berpuasa bererti tidak makan atau minum.  
Kamu tidak perlu berpuasa makan pada tiap-tiap kali masa makan jika kamu belum pasti dapat melakukannya atau tidak.

Adakah kamu mahu berpuasa / tidak makan sarapan? Atau mungkin kamu tidak makan semasa rehat di sekolah, atau pada masa makan?

Perkara penting adalah mengambil keputusan tentang cara melakukannya, kemudian mengikut cara itu dengan setia.





## ***“Bagaimanakah sekiranya saya masih mahu makan? Adakah cara lain untuk berpuasa?”***

Ya, ada! Kamu juga boleh berpuasa dengan berhenti melakukan sesuatu yang kamu suka atau gemar lakukan. Mungkin ia adalah menonton TV, atau bermain permainan komputer, atau bermain dengan I-pod atau telefon bimbit kamu. Apa sahaja... asal sesuatu yang kamu sangat suka, tetapi kamu mengambil keputusan untuk berhenti melakukannya.

## **Perkara yang penting tentang berpuasa adalah bukan apa yang tidak dibuat – tetapi apa sebabnya kamu berpuasa.**

Kita berpuasa untuk menyatakan kesungguhan kita kepada Tuhan dalam percakapan kita, dan untuk mengingatkan diri kita sendiri bahawa Tuhan lebih penting daripada semua perkara yang kita suka.

Biasanya, apabila kita merasa kehilangan akan benda-benda yang kita suka semasa berpuasa, maka kita ingat bahawa bukan benda-benda itu sahaja yang penting dalam hidup... kita ingat bahawa Tuhan pun penting & kita perlu mendengarkan Dia setiap hari. Untuk membantu kamu melalui 40 hari itu dengan baik, saya cadangkan kamu mengisi tempat kosong di bawah, sebagai janji untuk berdoa & berpuasa selama 40 hari.

Saya juga ingin mengesyorkan satu lagi perkara – mendapatkan seorang kawan / seorang abang atau kakak / ibu atau bapa / guru untuk melakukannya bersama-sama kamu. Apabila kamu merasa seperti, “Aiya, terlalu lapor!” atau “Saya sangat ingin menonton TV!!” ... kawan kamu boleh berkata, “Jangan, bertahan saja.. tinggal 10 hari lagi!”. Kalau kawan kamu merasa penat, kamu pun boleh membantu dia!

Ambil sedikit masa sekarang untuk mengisi bahagian ini:

Kami, \_\_\_\_\_ (nama kamu) dan \_\_\_\_\_ (nama kawan), ingin berjanji kepada satu sama lain, bahawa kami akan berdoa sekurang-kurangnya \_\_\_\_\_ (misalnya, 10 minit, 20 minit) sehari, pada waktu \_\_\_\_\_ (pagi / petang / malam) selama 40 hari. Kami juga berpuasa \_\_\_\_\_ (misalnya, makan pagi, makan tengah hari / bermain komputer) setiap hari, dan bertanya kepada kawan \_\_\_\_\_ (misalnya, setiap petang, setiap Rabu) tentang perkembangan satu sama lain.

Semoga Tuhan menyertai kita, dan menolong kita dalam setiap langkah!



## Tuhan atas SEMUA Generasi

“Saya tidak begitu penting di gereja.”

Pernahkah kamu merasa begini... “Saya fikir pak cik dan mak cik di gereja tidak memerlukan saya. Saya tidak dapat berbuat banyak kerja”?


Adakah kamu tahu bahawa pendapat Tuhan adalah lain?

### ***Cerita orang Israel dan Tanah yang dijanjikan oleh Tuhan***

Di dalam Alkitab, Tuhan memakai orang muda apabila Dia hendak membawa orang Israel (umat Tuhan) ke tanah yang dijanjikan-Nya kepada mereka. Pada waktu itu, Tuhan telah membawa orang Israel keluar dari negara yang disebut Mesir. Mereka disengsarakan dengan kejam di Mesir, dan menjadi hamba abdi kepada orang Mesir yang sangat berkuasa.

Bagaimanapun, Tuhan sudah mempunyai rancangan untuk menyelamatkan orang Israel daripada kuasa orang Mesir. Dia membuat banyak perkara ajaib dan memaksa orang Mesir untuk membebaskan orang Israel. Oleh sebab orang Israel adalah hamba abdi, mereka tiada tempat sendiri untuk dituju. Tetapi Tuhan sudah mempunyai rancangan besar untuk mereka – Dia merancang untuk memberi mereka tanah yang sangat baik, di suatu tempat yang jauh dari Mesir.

Apabila orang Israel sudah dekat dengan tanah yang dijanjikan oleh Tuhan, mereka mula merasa sangat takut. Mereka telah mengirimkan 12 orang pengintip ke Tanah Perjanjian, dan 10 daripada 12 orang pengintip itu kembali dengan membawa berita buruk! Mereka memberitahu orang Israel bahawa penduduk tanah itu berbadan besar dan kuat, dan mereka sendiri merasa seperti belalang berbanding penduduk di sana! Apabila orang Israel mendengar hal ini, mereka amat takut dan berkata, “Tidak, kami tidak mahu pergi ke sana!”



Pada pendapat kamu, apakah perasaan Tuhan? Dia telah menunjukkan kuasanya yang hebat kepada orang Israel... bahkan Dia telah membelah Laut Merah untuk mereka! Apabila Tuhan melihat orang Israel takut dan tidak percaya kepada-Nya untuk menolong mereka, Tuhan SANGAT MARAH dan mengambil keputusan untuk tidak memberi mereka tanah yang dijanjikan itu. Dia menyuruh mereka untuk pergi ke arah yang lain dan berkata bahawa Dia tidak akan mengizinkan mereka melihat Tanah Perjanjian lagi.

Bagaimanapun, Tuhan ingat pada janji-Nya. Dia masih mahu memberkati orang Israel kerana Dia telah berjanji kepada nenek moyang mereka (iaitu nenek moyang mereka dahulu). Dia berkata di dalam Ulangan 7:9, "Ingatlah bahawa TUHAN, Allah kamu satu-satunya Allah, dan Dia setia. Dia akan menepati perjanjian-Nya dan sentiasa menunjukkan kasih-Nya kepada seribu generasi orang yang mengasihi Dia, dan yang taat kepada hukum-Nya". Oleh sebab janji ini, Tuhan memakai anak-anak orang Israel itu... setelah mereka menjadi dewasa... untuk pergi ke Tanah Perjanjian, dan berperang serta menang di atas musuh mereka. Janji Tuhan dipenuhi melalui generasi muda!




### *Apakah yang dikatakan tentang Tuhan??*

Tuhan ialah Tuhan atas banyak generasi... dan janji-janji yang dibuat-Nya dengan nenek moyang orang Israel... Dia masih ingat semuanya, dan Dia masih menjaga orang Israel walaupun nenek moyang mereka sudah lama sekali meninggal.

### *Apakah kaitannya hal ini dengan saya??*

Hal ini memang ada kaitan dengan kamu. Tuhan bukan sahaja Tuhan bagi pak cik dan mak cik di gereja. Dia mempunyai rancangan untuk mereka – tetapi bukan untuk mereka sahaja... Dia juga mempunyai rancangan untuk kamu! Tuhan ialah Tuhan yang maha besar, dan rancangan-Nya jauh lebih besar daripada apa yang kita fikirkan... bukan hanya untuk kita, bukan hanya untuk pak cik dan mak cik yang lebih tua... ia juga untuk orang yang datang kemudian daripada kamu!... ya, untuk anak-anak kamu lain kali!

Tuhan itu bukan hanya Tuhan untuk satu generasi (pak cik dan mak cik). Tuhan adalah Tuhan untuk generasi kamu (orang yang sama umur dengan kamu), dan generasi selepas kamu (anak-anak kamu, dan cucu kamu).



## **SOALAN PENTING**

*Apakah tujuan doa & puasa pada tahun ini?*

Pada tahun ini, kita akan menumpukan perhatian pada TIGA perkara penting:

- PERHUBUNGAN YANG BAIK antara generasi Tua & Muda.
- KEPERLUAN generasi Tua & Muda.
- Berdoa & berpuasa untuk HAL-HAL PENTING DI MALAYSIA bersama dengan generasi tua.

Tuhan adalah TUHAN ATAS SEMUA GENERASI, oleh itu generasi yang Tua & Muda mesti belajar untuk mengasihi, menghormati & menjaga satu sama lain, dan untuk bekerjasama bagi kemuliaan Tuhan di Malaysia!



## Minggu 1: “Ya Allah, ciptalah hati yang murni bagiku, baharuilah batinku agar menjadi teguh.” - Mazmur 51:12 (AlKitab BM)

Pada minggu ini, marilah minta SIKAP YANG BETUL daripada Tuhan. Tuhan mahu kita mengasihi & mempunyai perhubungan yang baik dengan generasi tua. Kadang-kadang ini sukar kerana cara mereka berfikir dan bercakap agak lain daripada kamu.

Kita memerlukan Tuhan untuk mengubah anggapan dan fikiran kita terhadap mereka – marilah kita melakukan apa yang dikatakan-Nya – untuk mengasihi satu sama lain... ya, dan termasuklah pak cik dan mak cik yang lebih tua.

### 8 Ogos, Ahad - Peraturan Tuhan

*Doa: Kamu melakukan semua hal mengikut cara Tuhan, bukan cara kamu sendiri.*

Adakah kamu sukar mendengarkan Tuhan kadang-kadang? Saya merasa begitu. Kadang-kadang, melakukannya mengikut cara saya sendiri rasanya lebih mudah daripada melakukannya mengikut cara Tuhan. Saya berbohong sedikit, tidak memberitahu yang benar kepada seseorang, bercakap buruk tentang seseorang yang saya tidak suka. Tetapi akhirnya, Tuhan seolah-olah menjadi semakin jauh jika saya terus berbuat sesuka hati saya... dan saya bertambah-tambah jahat. Mengikut cara Tuhan agak sukar... tidak berbohong, bercakap benar, berbuat baik kepada orang yang saya tidak suka... tetapi akhirnya, ada kegembiraan di dalam hati kerana saya tahu Tuhan suka, dan saya merasa lebih dekat dengan Tuhan. Minta Tuhan menolong kamu mengikut cara-Nya dan tidak berdegil.

### 9 Ogos, Isnin - Hormatilah Tuhan

*Doa: Kamu akan menjadikan Tuhan sebagai yang paling penting dalam kehidupan kamu.*

Tulislah satu hal yang sangat penting bagi kamu:

---

Adakah itu lebih penting daripada Tuhan?

Jika ya, mintalah Tuhan menolong kamu untuk menjadikan Tuhan lebih penting.





## 10 Ogos, Selasa - Hormatilah satu sama lain

*Doa: Kamu akan mengasih & menghormati generasi tua di gereja, walaupun mereka berbeza daripada kamu.*

Fikirkan seorang mak cik atau pak cik di gereja.

Tulis namanya di sini: \_\_\_\_\_

Minta Tuhan memberkati orang ini.

## 11 Ogos, Rabu - Mengampuni

*Doa: Kamu akan mengampuni orang yang lebih tua daripada kamu walaupun dia telah membuat kamu marah atau sedih.*

Siapakah yang membuat kamu marah atau sedih? Adakah kamu teringat akan sesiapa? Mengapakah dia membuat kamu merasa seperti itu?

Beritahulah Tuhan tentang perasaan kamu. Mohonlah Tuhan untuk menolong kamu berhenti minta-minta orang itu dihukum kerana perbuatannya terhadap kamu. Tuhan telah mengampunkan semua kesalahan kamu. Kamu juga harus mengampuni orang itu.

## 12 Ogos, Khamis - Merendahkan Hati

*Doa: Kamu tidak akan sompong, melainkan bersikap baik terhadap orang yang lebih tua.*

Sombong bererti berfikir kamu lebih baik daripada orang lain. Kalau kita tidak berjaga-jaga, senang sahaja menjadi sompong. Adakah kamu terlalu sompong untuk bergaul dengan pak cik dan mak cik di gereja? Adakah kamu berfikir kamu lebih pandai daripada mereka? Adakah kamu berfikir... “Mereka tidak tahu banyak dari hal kehidupan saya... tiada yang saya dapat belajar daripada mereka”? Tuhan melawan orang yang sompong, dan Dia mahu anak-anak-Nya supaya rendah hati.

Senang sahaja menjadi sompong, tetapi sompong itu salah. Jika kamu sompong, mintalah Tuhan mengampuni kamu. Minta Tuhan menolong kamu menjadi orang yang rendah hati dan bersikap baik terhadap generasi tua.





## 13 Ogos, Jumaat - Belajar daripada satu sama lain

*Doa: Kamu belajar daripada generasi tua dan juga menolong mereka apabila mereka memerlukan pertolongan.*

Fikirkan satu hal yang baik atau berguna yang kamu telah belajar daripada orang yang lebih tua. Apakah itu? Tulislah: \_\_\_\_\_

Fikirkan satu pertolongan yang kamu telah lakukan untuk orang yang lebih tua. Apakah itu? Tulislah: \_\_\_\_\_

Bersyukur kepada Tuhan atas hal-hal yang kamu belajar daripada satu sama lain. Mintalah Tuhan menolong kamu supaya rela belajar daripada orang yang lebih tua. Juga, minta Tuhan untuk memberi kamu hati yang mahu menolong.

## 14 Ogos, Sabtu - Bersatu

*Doa: Kamu akan menyokong & bekerjasama dengan generasi tua agar kamu kuat sebagai gereja.*

Walaupun kamu berbeza daripada generasi tua, kamu masih boleh menyokong dan bekerjasama dengan mereka. Tuhan mempunyai pekerjaan untuk semua orang. Oleh itu, kita mesti bekerjasama untuk melayani Tuhan dengan lebih baik. Jika kita tidak mempedulikan satu sama lain, bagaimanakah kita boleh menjadi kuat sebagai orang Kristian?

Mintalah Tuhan untuk menolong generasi muda dan tua untuk bekerjsama.

*“Ya Allah, ciptalah  
hati yang murni  
bagiku, baharuilah  
batinku agar  
menjadi teguh.”  
Psalms 51:12*






## Pesanan untuk Ibu

© Mandy K. Greger

Ibu tolong jangan bercakap dengan Ayah seperti itu,  
Kata-kata Ibu semakin kasar hari demi hari  
Aku benci mendengar Ibu menjerit,  
dan melihat Ayah menangis  
Dia tahu Ibu sedih dan tidak mengerti sebabnya  
Kamu membentuk aku dengan kasih,  
jangan besarkan aku dengan benci,  
Jika kamu berdua tidak berdamai, apakah nasibku?  
Aku tahu Ibu cintakan Ayah,  
dan boleh membuat penyelesaian,  
Ingatlah aku jika Ibu ingin bergaduh lain kali.  
Peganglah tangannya, seperti kamu berdua  
melihat aku bertumbuh,  
Jangan lupa mesej ini Ibu.  
Sayang selalu,  
Kylee Jo



Sumber: *Mommy And Daddy Fighting, Parent Child Poems* (<http://www.familyfriendpoems.com/family/poetry>)

Puisi ini adalah tentang seorang anak perempuan yang risau kerana ibu bapanya selalu bergaduh. Dia hendak memberitahu ibunya tentang apa yang difikirkannya.

**Adakah kamu risau tentang keluarga kamu?  
Adakah kamu seperti gadis kecil dalam puisi ini?**

Jika kamu risau, Tuhan mengerti perasaan kamu. Setiap kali kamu menangis, Tuhan sedih. Apabila kamu sedih, kamu harus tahu bahawa Tuhan mengasihi kamu dan menjaga kamu.



## **Minggu 2: “Apabila orang salih berseru, TUHAN mendengar dan menyelamatkan mereka daripada segala kesusahan.” - Mazmur 34:18 (AlKitab BM)**

Pada minggu ini, kita akan menyerahkan KELUARGA ke dalam tangan Tuhan. Marilah kita semua berdoa agar Tuhan memulihkan keluarga dalam negara kita.

### **15 Ogos, Ahad - Keluarga Yang Luka Hati**

*Doa: Tuhan menyembuhkan keluarga yang luka hati di Malaysia.*

Adakah masalah dalam keluarga kamu?

Beritahulah Tuhan dari halnya. Serahkan kesusahan kamu kepada Tuhan.

1 Petrus 5:7 berkata, “Serahkanlah segala kekhuitiran kamu kepada Allah, kerana Dia mengambil berat tentang kamu.” Tuhan ialah yang paling mengasihi kamu. Oleh itu, kamu boleh memberitahu Dia masalah kamu.

Adakah kamu tahu orang yang ada masalah dalam keluarganya?

Berdoalah untuk orang ini. Mintalah Tuhan menolong orang ini. Berdoalah agar Tuhan menyembuhkan keluarganya daripada luka hati.

### **16 Ogos, Isnin - Perhubungan Ibu Bapa**

*Doa: Ibu bapa di Malaysia akan saling mengasih, dan Tuhan melindungi perhubungan mereka.*

Kamu boleh menunjukkan kasih kepada ibu bapa dengan mendoakan mereka.

Berterima kasih kepada Tuhan kerana memberi ibu bapa kepadamu, walaupun mereka telah berbuat kesilapan.

Mintalah Tuhan memberkati ibu bapa kamu, dan membuat mereka gembira untuk hidup bersama.



## 17 Ogos, Selasa - Perhubungan Ibu Bapa dengan Anak-anak

*Doa: Ibu bapa di Malaysia akan mengasih anak-anak mereka, dan mengetahui cara yang baik untuk berhubung dengan mereka.*

Adakah kamu berbaik-baik selalu dengan ibu bapa kamu? Adakah kadang-kadang kamu merasa ibu bapa itu tidak adil?

Beritahulah Tuhan jika kamu merasa sedih. Beritahulah Dia sebabnya kamu merasa seperti itu.

Minta Dia menolong kamu untuk mengasih dan mentaati ibu bapa kamu, walaupun pada masa kamu merasa malas berbuat begitu.

Yesus pun ada ibu bapa ketika Dia di bumi, dan Dia harus mentaati mereka. Pada suatu masa, ketika Dia berumur 12 tahun, Dia tinggal di Yerusalem semasa ada perayaan yang penting, kerana Dia ingin bercakap dengan para pemimpin di Rumah Tuhan. Ibu bapa-Nya tidak faham sebabnya Dia berbuat begitu, dan mereka menegur Dia apabila mereka menjumpai Dia di Rumah Tuhan. Kadang-kadang, ibu bapa mungkin tidak memahami segala sesuatu yang kita buat. Tetapi seperti Yesus, kita mesti taat kerana mereka adalah ibu bapa kita.

## 18 Ogos, Rabu - Pengampunan & Kedamaian

*Doa: Tuhan akan menolong keluarga-keluarga di Malaysia untuk saling mengampuni, dan memberi mereka kedamaian daripada-Nya.*

Adakah kamu perlu mengampuni seseorang dalam keluarga kamu? Mungkin dia berbuat salah kepadamu, memanggil kamu 'bodoh', berbohong dari hal kamu, memukul kamu, memecahkan benda yang kamu sayangi, berjanji berbuat sesuatu untuk kamu tetapi tidak menuaijanji... ada banyak hal yang membuat kamu marah dan tidak mahu mengampuni.

Mintalah Tuhan menunjukkan siapa orang dalam keluarga yang kamu belum ampuni. Minta Dia menolong kamu untuk mengampuni. Kita mesti mengampuni kerana Tuhan telah mengampuni kita untuk semua kesalahan yang kita sudah lakukan. Tuhan akan memberi kedamaian-Nya kepadamu selepas kamu mengampuni orang itu.





## 19 Ogos, Khamis - Kekuatan & Harapan

*Doa: Tuhan akan menolong keluarga-keluarga yang sedih di Malaysia supaya mereka kuat apabila menghadapi masalah, dan menghiburkan mereka dengan pengharapan daripada-Nya.*

Adakah masalah dalam keluarga kamu? Jika ada, mintalah Tuhan untuk menolong ibu bapa, abang dan kakak kamu untuk tetap kuat. Jangan lupa mendoakan untuk dirimu sendiri juga! Jika kamu tahu seseorang yang ada masalah dalam keluarga, mintalah Tuhan untuk memberi mereka kekuatan dan pengharapan.

## 20 Ogos, Jumaat - Percayalah Kepada Tuhan

*Doa: Keluarga-keluarga Kristian di Malaysia yang ada masalah akan percaya kepada Tuhan.*

Walaupun ada hal yang buruk berlaku, kita boleh percaya kepada Tuhan. Dia Tuhan yang BAIK, dan Dia akan menolong kita. Dia tidak akan membiarkan kamu sendirian.

Adakah kamu masih percaya kepada Tuhan apabila perkara buruk berlaku? Adakah kamu percaya bahawa Dia baik dan menjaga kamu? Jika kamu tidak dapat mempercayai Tuhan, mintalah Dia menolong kamu untuk percaya kepada-Nya. Di dalam Markus 9:14-29, ada seorang yang anak lelakinya dirasuk roh jahat. Dia minta Yesus menyembuhkan anaknya tetapi dia tidak percaya kepada Yesus dengan sepenuh hati. Yesus melihat masalah orang itu, dan berkata, "Orang yang percaya kepada Allah dapat melakukan segala sesuatu!" Dengan cepat orang itu minta Yesus untuk menolong dia percaya! Minta Tuhan menolong kamu untuk percaya kepada-Nya.

## 21 Ogos, Sabtu - Memberkati Generasi Tua

*Doa: Tuhan akan memberkati generasi tua di Malaysia, dan memberi mereka kekuatan, kebijaksanaan & kedamaian!*

Adakah kamu mempedulikan orang yang lebih tua daripada kamu? Adakah kamu tahu mereka pun penting bagi Tuhan, dan Dia juga ingin supaya mereka sihat? Orang tua pun termasuk dalam keluarga Tuhan, dan mereka memerlukan kamu untuk mendoakan mereka. Minta Tuhan menolong kamu mengasihi orang yang lebih tua daripada kamu; untuk mengingati mereka, dan menjaga mereka.

Fikirkan seorang yang lebih tua daripada kamu yang tidak pernah kamu doakan. Siapakah orang itu? Tulislah namanya di sini: \_\_\_\_\_

Mintalah Tuhan menolong orang ini bertumbuh dengan lebih kuat dalam Tuhan.





## Corrie Ten Boom Seorang Perempuan yang Percaya kepada Tuhan.

Pernahkah kamu mendengar tentang Corrie Ten Boom?


Dia seorang perempuan yang percaya kepada Tuhan, dilahirkan 118 tahun lalu!

Dia seorang perempuan yang sangat percaya kepada Tuhan dan melayani Tuhan semasa peperangan berlaku di negara Belanda. Ibu bapanya orang Kristian yang baik-baik dan murah hati kepada orang yang memerlukan pertolongan. Dia juga mempunyai saudara perempuan bernama Betsie. Corrie tidak berkahwin, dan berumur 48 tahun ketika perang bermula.

Pada waktu perang, ramai orang membunuh satu sama lain, terutamanya orang bangsa Yahudi. Corrie dan keluarganya menolong ramai orang Yahudi mlarikan diri supaya tidak dibunuh. Bahkan Corrie mempunyai sebuah bilik rahsia di dalam bilik tidurnya untuk digunakan sebagai tempat persembunyian bagi orang Yahudi.

Pada suatu hari, ada seorang lelaki yang masuk ke dalam kedai mereka dan meminta dia untuk menolongnya. Corrie bersetuju untuk menolong, tetapi selepas itu mendapati orang itu menipu! Dia sebenarnya pengintip, dan dia memberitahu musuh apa yang dibuat oleh Corrie dan keluarganya.

Semua anggota keluarganya ditangkap, dan bapanya meninggal dalam 10 hari kerana sakit. Adakah Corrie berhenti percaya kepada Tuhan pada masa itu? Tidak. Sebaliknya, dia terus-menerus melayani Dia!



Di kem tahanan, tempat Corrie dan saudara perempuannya ditahan, dia terus melayani Tuhan bersama dengan saudaranya. Kedua-dua mereka mempunyai pertemuan rahsia untuk memuji Tuhan dan membaca Alkitab. Ramai orang di dalam penjara itu diberkati semasa mereka berdua berada di sana.





Sedihnya, saudaranya Betsie meninggal di dalam kem itu kerana sakit. Sebelum dia meninggal, dia berkata kepada Corrie... beritahulah orang lain tentang kisah kita! Beritahu mereka bahawa di dalam lubang kesedihan dan kejahanatan yang amat dalam sekalipun, Tuhan masih sangat berkuasa!

Kemudian Corrie dibebaskan dari kem tahanan, dan dia mula pergi ke tempat-tempat lain untuk memberitahu semua orang tentang pelajaran yang dipelajarinya di kem tanahan. Dia memberitahu orang lain bahawa Tuhan sangat berkuasa, dan juga kepentingannya untuk mengampuni orang lain. Selepas satu perkumpulan, setelah dia memberitahu orang di sana bahawa Tuhan mengampuni, tiba-tiba dia bertemu dengan pengawal yang mengawasi dia semasa di kem tahanan dahulu. Pengawal itu datang kepadanya dan bertanya, "Adakah kamu rela mengampuni saya?" Corrie marah, dan pada mulanya tidak mahu berjabat tangan dengan dia. Tetapi Corrie tahu bahawa dia harus mengampuni dia kerana Tuhan telah mengampunkan dosa Corrie sendiri.

Dengan senyap dia berseru kepada Tuhan, "Tolonglah saya untuk mengampuni!" Lalu dia berjabat tangan dengan bekas pengawal itu, dan tiba-tiba, Corrie merasakan pengampunan Tuhan mengalir ke dalam hatinya. Dia berkata dengan kuat, "Saya mengampunimu, saudara!... Dengan sepenuh hati saya!"

Corrie memegang tangan bekas pengawal itu untuk masa yang lama. Kemudian, Corrie berkata dia tidak pernah merasakan kasih Tuhan dengan begitu kuat dalam hidupnya. Tuhan telah menolong dia mengampuni musuhnya.

\*Nota: Kem tahanan adalah tempat orang yang dianggap 'berbahaya' oleh kerajaan ditahan. Semasa perang, orang yang ditahan itu termasuklah orang yang tidak bersetuju dengan tindakan kerajaan yang jahat, dan orang yang dianggap oleh kerajaan sebagai 'tidak berguna'.

## SOALAN PENTING

### *Adakah kamu suka dengan cerita Corrie Ten Boom?*

Cerita itu bukan suatu cerita semata-mata, melainkan sesuatu yang benar-benar berlaku. Tuhan sedang mencari orang seperti Corrie yang hendak mentaati-Nya dan mengasihi orang di sekelilingnya. Walaupun hidup Corrie sukar, dan dengan mudah boleh saja mempersalahkan Tuhan atas kesukaran hidupnya, namun dia tetap mentaati serta melayani Dia. Tuhan memberi dia kekuatan untuk mentaati-Nya. Akhirnya, Corrie lebih diberkati berbanding keadaannya jika sekiranya dia tidak melayani Tuhan.

### *Bolehkah kamu menjadi seperti Corrie Ten Boom?*

Saya sendiri tidak tahu, tetapi saya mahu! Bersama dengan Tuhan, SEMUA perkara boleh berlaku.





## **Minggu 3: “Kemudian Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, ‘Jika seseorang hendak mengikut Aku, dia mesti melupakan kepentingan sendiri, memikul salib, dan mengikut Aku.’” - Matius 16:24 (AlKitab BM)**

Pada minggu ini, marilah berdoa untuk orang Kristian yang ingin melayani Tuhan dengan SEPENUH HATI seperti Corrie Ten Boom. Tuhan tidak mahu sikap separuh hati sahaja – Dia suka orang yang taat kepada-Nya dengan sepenuh hati. with those who obey Him completely.

### **22 Ogos, Ahad - Pemimpin**

*Doa: Tuhan akan melindungi para pemimpin Kristian daripada bahaya, dan menguatkan mereka dalam Dia.*

Pemimpin Kristian memerlukan banyak doa kerana mereka perlu menjaga umat Tuhan dan menolong mereka bertumbuh. Kadang-kadang mereka menjadi lemah, dan mereka memerlukan Tuhan untuk memberi mereka kekuatan dan kebijaksanaan untuk terus melayani Dia.

Adakah kamu mengenal seorang pemimpin Kristian di gereja kamu? Siapakah dia? Tulislah nama orang itu di sini: \_\_\_\_\_

Apakah yang dilakukan oleh orang ini? Mintalah Tuhan memberikan pemimpin Kristian ini kebijaksanaan untuk melakukan tugasnya. Mintalah kepada Tuhan untuk memberikan pemimpin ini hati yang gembira dan kekuatan untuk melayani Dia.



## 23 Ogos, Isnin - Anak-anak

*Doa: Anak-anak di Malaysia akan mempunyai keinginan untuk mengenal Tuhan & menyerahkan sepenuh hati mereka kepada-Nya.*

Tuhan mengasihi anak-anak dan mahu mereka mengenal Dia. Apabila para pengikut Yesus menghalang beberapa orang anak daripada bertemu dengan-Nya, Yesus marah dengan para pengikut-Nya! Dia juga berkata bahawa sesiapa sahaja yang menyebabkan seorang anak menjauhkan diri daripada Tuhan akan menghadapi kesusahan besar. Adakah kamu melihat betapa besarnya kasih Tuhan kepada kamu? Tuhan sangat ingin anak-anak di mana-mana untuk mengenal Dia dan menyerahkan hati mereka kepada-Nya.

Sudahkah kamu menyerahkan hatimu kepada Yesus? Bukan separuh hati sahaja, tetapi sepenuh hatimu. Jika belum, ucapkanlah doa berikut ini bersama saya...

Ya Tuhan, saya ingin menyerahkan sepenuh hati saya kepada-Mu. Saya tidak mahu mentaati-Mu untuk separuh masa sahaja, melainkan dengan SELURUH masa. Tolonglah saya, Tuhan Yesus, untuk menjadikan Engkau Tuhan saya. Tolonglah saya bercakap dengan-Mu dan mengenal-Mu. Terima kasih kerana Engkau mendengarkan saya pada masa ini, dan saya percaya Engkau akan memberikan permintaan saya, kerana itulah kehendak-Mu juga. Dalam nama Yesus yang berkuasa saya berdoa, AMIN.

Tuhan sangat suka jika kamu mengucapkan doa ini dari dalam hati kamu!!

## 24 Ogos, Selasa - Pemuda-pemudi

*Doa: Pemuda-pemudi di gereja akan tetap dekat dengan Tuhan dan menjadikan Dia Tuhan mereka.*

Pemuda-pemudi adalah orang yang berumur di antara 13 dan 21 tahun. Adakah kamu mengenal sesiapa di gereja dalam lingkungan umur seperti ini? Siapakah dia? Tulislah nama orang itu di sini: \_\_\_\_\_

Berdoalah agar orang ini tetap dekat dengan Tuhan, dan mentaati Dia dengan sepenuh hatinya. Berdoalah agar orang ini tidak memberikan hatinya kepada orang atau benda lain, melainkan memberinya kepada Tuhan.



## 25 Ogos, Rabu - Orang Dewasa Muda

*Doa: Orang dewasa muda di gereja akan menjadikan Allah sebagai Tuhan mereka, dan melayani Dia dengan sepenuh hati.*

Orang Dewasa Muda adalah orang yang berumur dalam lingkungan 20-an. Orang Dewasa Muda memerlukan banyak doa kerana kebanyakan mereka baru sahaja mula bekerja atau sedang mencari pekerjaan. Mereka mempunyai banyak kekhawatiran kerana segala sesuatu masih baru bagi mereka, dan ada banyak perkara yang perlu dipelajari.

Berdoalah agar mereka tidak hanya khawatir dan memikirkan masalah mereka, tetapi mereka akan berharap kepada Tuhan untuk menolong mereka. Berdoalah juga agar mereka menempatkan Tuhan di tempat pertama dalam pekerjaan mereka, dan tidak menjadi terlalu sibuk untuk melayani Tuhan di tempat kerja atau di gereja. Mereka benar-benar memerlukan banyak doa untuk menjadikan Tuhan sebagai yang pertama dalam hidup mereka.

## 26 Ogos, Khamis - Orang Dewasa

*Doa: Orang dewasa di gereja terus melayani Tuhan, dan tahu caranya menolong orang muda di gereja.*

Ingatlah seorang dewasa di gereja kamu, dan tulislah namanya di sini:

---

Berdoalah untuk orang dewasa ini. Berdoalah agar: 1) Dia tetap kuat dalam Tuhan 2) tidak menjadi penat untuk melayani Dia 3) akan mengetahui cara untuk memimpin orang lain kepada Tuhan.

Orang dewasa mempunyai banyak tanggungjawab, mereka memerlukan doa kamu!





## 27 Ogos, Jumaat - Pesara

*Doa: Pesara di gereja akan terus melayani Tuhan, dan tidak menjadi penat melayani-Nya.*

Pesara adalah orang yang berumur 55 tahun ke atas. Ramai antara mereka sudah lama melayani Tuhan, dan ingin berhenti. Mereka memerlukan banyak doa kerana biasanya mereka terlalu penat untuk terus melayani Tuhan, atau mereka merasa sedih kerana tidak dapat melakukan banyak perkara seperti dahulu.

Berdoalah agar pesara mempunyai kekuatan lebih dan kegembiraan untuk melayani Tuhan. Berdoalah juga agar mereka terus bersemangat untuk Tuhan!

## 28 Ogos, Sabtu - Bujang

*Doa: Orang bujang (mereka yang tidak berkahwin) di gereja akan memberi masa, hati & kekuatan mereka kepada Tuhan.*

Orang bujang mempunyai tempat yang istimewa di gereja kerana boleh melakukan hal-hal yang tidak dapat dibuat oleh orang yang sudah berkahwin. Mereka boleh memberikan lebih banyak masa dan kekuatan kepada Tuhan, dan boleh menolong orang yang perlu menjaga keluarga mereka sehingga tiada masa untuk melakukan hal-hal penting di gereja.

Berdoalah agar orang bujang di gereja boleh memberikan segenap hati untuk melayani Tuhan dan bukan benda lain. Berdoalah agar Tuhan memberi mereka kegembiraan untuk melayani Dia.



**"Kemudian Yesus berkata kepada pengikut-pengikut-Nya, Jika seseorang hendak mengikut Aku, dia mesti melupakan kepentingan sendiri, memikul salib, dan mengikut Aku."**  
**Matius 16:24**





## Generasi Yosua

Adakah kamu masih ingat cerita tentang orang Israel yang kita bincang dahulu?

Orang Israel yang dibawa keluar dari Mesir dipimpin ke tanah yang dijanjikan Tuhan kepada mereka. Tetapi apabila Tuhan hendak memberikan tanah itu kepada mereka, apakah yang dilakukan oleh mereka? Mereka bersungut dan berkata bahawa perkara itu tidak boleh berlaku!

Tuhan sangat marah dan tidak mengizinkan mereka untuk memiliki tanah itu. Sebaliknya, Dia membiarkan mereka mengembala di tanah gurun sehingga mereka tua dan akhirnya meninggal. Bagaimanapun, Tuhan ingat janji-Nya kepada nenek moyang mereka dahulu kala..., untuk menjadikan mereka bangsa yang kuat. Oleh itu, Tuhan terus memegang janji-Nya... dan menunggu generasi muda untuk menjadi dewasa dan mengambil tanah tersebut.

Hanya generasi muda dapat memiliki apa yang dijanjikan oleh Tuhan. Generasi tua tidak dapat... kecuali 2 orang. Adakah kamu masih ingat 12 orang pengintip yang disuruh pergi melihat-lihat Tanah Perjanjian itu? Terdapat 10 orang di kalangan mereka kembali dan berkata bahawa tidak mungkin mereka mendapat tanah itu, kerana badan musuh terlalu besar sehingga mereka sendiri merasa kecil seperti belalang! Tetapi ada 2 orang pengintip yang berbeza pendapat daripada mereka... adakah kamu tahu nama mereka? Yosua & Caleb!

Yosua & Caleb berbeza. Mereka tidak seperti 10 orang kawan mereka yang berkata, "Tidak, kita tidak mungkin dapat pergi ke sana! Kita tidak boleh mengalahkan musuh!" Tetapi Yosua & Caleb mengatakan hal yang berbeza sama sekali! Mereka berkata, "Tidak, kita pasti boleh pergi ke sana! Marilah pergi ke sana dan kalahkan musuh!"

Mengapakah mereka berkata begitu? Mengapakah mereka tidak takut dengan raksasa di Tanah Perjanjian?

Jawapannya adalah ini: Mereka dapat melihat satu yang jauh lebih besar dan hebat daripada raksasa-raksasa di Tanah Perjanjian. Mereka dapat melihat Tuhan!

Tuhan itulah yang membawa mereka keluar dari Mesir. Tuhan itulah yang membelah Laut Gelagah untuk mereka. Tuhan itulah yang menampakkan diri kepada mereka dalam tiang api. Bolehkah kamu bayangkan tiang api di dekat kamu? Tuhan menunjukkan bahawa Dia amat berkuasa, dan mata mereka memandang kepada Tuhan!

Mereka berbeza daripada orang lain kerana mereka tahu siapa yang harus dipandang. Inilah pelajaran yang amat penting dipelajari. Lihatlah pada perkara yang betul! Jika kamu memandang Tuhan – kamu akan merasa berani! Tetapi jika kamu melihat pada masalah – kamu akan merasa sangat takut!

Oleh itu, ingatlah hal ini: Setiap kali kamu melihat suatu masalah... jangan pandang pada masalah itu, lihatlah Tuhan! Jika Tuhan bersama-sama kamu, siapakah yang dapat mengalahkan kamu??

Akhirnya, Yosua dan Kaleb menerima sesuatu yang dijanjikan Tuhan – kerana mereka tahu melihat kepada Tuhan.

Bolehkah kamu teka ini?

\_\_\_\_ h \_\_t    T \_\_\_\_ n , b \_\_ k \_\_ \_    m \_\_ s \_\_ l a \_\_ !

(Jawapan di muka surat terakhir)

E  
L O O K  
A G A I N



# Minggu 4: “Jika Allah berpihak kepada kita, siapakah dapat melawan kita?” - Roma 8:31b

(AlKitab BM)

Pada minggu ini, kita akan berdoa untuk hal-hal penting di Malaysia. Marilah mengikut contoh Yosua dan Kaleb yang melihat Tuhan dan bukan masalah. Apabila kita berbuat begitu, Tuhan akan bergerak bersama dengan kita!

## 29 Ogos, Ahad - Pelajar Kristian di Sekolah

*Doa: Pelajar Kristian menjadi pengaruh yang baik*

Di sekolah, pelajar-pelajar Kristian berjumpa dengan ramai kawan yang bukan Kristian. Mungkin ada beberapa antara mereka yang kasar, atau mengejek kawan-kawan mereka. Pelajar Kristian sepatutnya ingat apa yang telah diajar oleh Tuhan kepada mereka; berbuat baik kepada orang lain dan menghormati orang yang lebih tua daripada mereka. Mereka sepatutnya berbuat baik dan tidak mengikut perbuatan kawan-kawan yang tidak betul. Ini akan menolong kawan-kawan yang lain untuk berbuat yang betul. Sama seperti Yosua dan Kaleb, orang Kristian di sekolah tidak seharusnya mengikut orang lain jika mereka berbuat salah – mereka boleh berbeza dan melakukan yang betul!

Adakah kamu merasa sukar melakukan yang betul? Adakah kawan-kawan kamu mentertawakan kamu apabila kamu tidak mengikut perbuatan mereka? Beritahulah Tuhan apa perasaan kamu. Mintalah Tuhan menolong kamu melakukan yang berul. Lebih baik menyenangkan hati Tuhan daripada menyenangkan hati orang lain.

Adakah kawan-kawan Kristian kamu di sekolah yang merasa sukar untuk melakukan hal-hal yang betul? Ingatlah satu orang.

Tulis namanya di sini: \_\_\_\_\_

Mintalah Tuhan menolong orang ini untuk berbuat yang betul.





## 30 Ogos, Isnin - Guru-guru Kristian

*Doa: Lebih ramai guru Kristian di sekolah yang akan melayani Dia.*

Tidak ramai guru Kristian di sekolah pada masa ini. Guru Kristian yang mahu melayani Tuhan di sekolah pun sedikit sahaja. Sekolah di Malaysia memerlukan guru-guru Kristian untuk memberitahu para pelajar tentang Tuhan, dan mengajar mereka nilai-nilai yang diinginkan Tuhan. Para pelajar Kristian pun memerlukan guru-guru Kristian untuk mendorong mereka supaya menjadi pengaruh yang baik di sekolah.

Adakah kamu mengenal guru Kristian di sekolah kamu?

Tulislah namanya di sini: \_\_\_\_\_

Mintalah Tuhan untuk memberikan guru ini hati yang rela untuk melayani Dia. Mintalah juga kepada Tuhan untuk memberikan guru ini kebijaksanaan untuk mengetahui cara menolong & menjaga para pelajar.

## 31 Ogos, Sabtu - Internet

*Doa: Orang Kristian akan menjadi pengaruh yang baik di Internet.*

Kebanyakan golongan muda melayari Internet setiap hari, dan mereka dipengaruhi oleh banyak perkara. Internet memerlukan lebih ramai orang Kristian yang dapat memasukkan hal-hal yang kreatif, menyeronokkan dan menarik yang dapat mengajar orang muda tentang nilai-nilai Tuhan!

Berdoalah agar Tuhan memberkati orang Kristian dengan idea dan kekreatifan yang luar biasa supaya mereka menjadi pengaruh yang baik dalam Internet!

## 1 September, Rabu - Televisyen, Muzik & Pawagam

*Doa: Orang Kristian akan memberi perbezaan yang positif di televisyen, muzik & pawagam.*

Televisyen, muzik dan pawagam sangat mempengaruhi ramai orang, sama ada mereka muda atau tua. Lebih ramai orang Kristian diperlukan untuk membuat program, tayangan dan muzik yang mempunyai nilai-nilai Tuhan supaya mereka menjadi contoh dan pengaruh yang baik kepada orang di mana-mana!

Berterima kasih kepada Tuhan kerana Dia sangat kreatif, dan boleh memberkati orang Kristian dengan kemahiran yang sangat luar biasa! Berdoalah agar Dia memberikan orang Kristian bakat dan idea untuk membuat perbezaan di televisyen, muzik dan pawagam. Juga, berdoalah agar Tuhan membuka jalan bagi orang Kristian untuk masuk ke dalam bidang ini.





## 2 September, Khamis - Khidmat Negara

*Doa: Khidmat Negara akan menolong orang muda untuk mencintai negara dan menyayangi satu sama lain.*

Dalam Khidmat Negara, remaja yang biasanya berumur 17 tahun dipilih oleh kerajaan untuk menyertai latihan di kem-kem latihan. Di kem-kem tersebut, para remaja belajar untuk mencintai negara, dan hidup rukun dengan berbagai-bagi kaum.

Berdoalah agar Tuhan akan mengubah generasi muda melalui Khidmat Negara, agar mereka berterima kasih atas negara Malaysia dan satu sama lain. Berdoa juga agar mereka yang menyertai Khidmat Negara berada dalam keadaan selamat. Kadang-kadang, kemalangan dan masalah berlaku.

## 3 September, Jumaat - Pemuda-pemudi di Sabah & Sarawak

*Doa: Tuhan akan melindungi pemuda-pemudi Bumiputera di Sabah & Sarawak daripada dipengaruhi oleh agama lain.*

Ramai pemuda-pemudi Bumiputera Sabah & Sarawak disuruh untuk mengubah agama. Mereka memerlukan doa kita supaya mereka menjadi orang Kristian yang kuat dan mengerti firman Tuhan dengan baik. Berdoa juga agar orang Kristian lain pun mendorong mereka, dan menjadi contoh yang baik bagi mereka.

Marilah berdiri bersama dengan pemuda-pemudi Bumiputera dan berdoa agar Tuhan bekerja dengan luar biasa di kalangan mereka!

## 4 September, Sabtu - Kekayaan

*Doa: Orang Kristian di Malaysia akan berterima kasih kepada Tuhan atas kekayaan mereka, dan melayani Tuhan dengan kekayaan tersebut.*

Di dalam Alkitab, Tuhan berkata bahawa apabila kita kaya, kita tidak sepatutnya sompong dan melupakan Dia. Kita tidak seharusnya berfikir bahawa kita telah mendapat kekayaan dengan kekuatan kita sendiri. Walaupun kita bekerja keras untuk mendapatkan kekayaan, hanya Tuhan yang dapat mengizinkan kita untuk menjadi kaya. Ulangan 8:18a berkata, “Ingatlah, bahawa TUHAN, Allah kamu itulah yang menjadikan kamu kaya.” Penting sekali berterima kasih kepada Tuhan atas berkat-Nya!

Berdoalah agar orang Kristian yang diberkati dengan kekayaan akan mengucap terima kasih kepada Tuhan, dan mereka tidak menjadi sompong. Berdoalah juga agar mereka menempatkan Tuhan di tempat pertama dan melayani Dia dengan kekayaan yang diberi oleh Tuhan kepada mereka sebagai berkat-Nya.





## Dia Sanggup!

Ada sebuah lagu yang senang dipelajari yang saya biasa nyanyi di Sekolah Minggu... tajuknya "Dia Sanggup!"... Saya ingat lagu ini pagi tadi dan saya hairan kerana saya masih ingat setiap katanya!

Kamu boleh masuk ke laman YouTube dan tonton video ini...

Kamu perlu taip pautan ini: <http://www.youtube.com/watch?v=4VdZeMSDTXQ>

Atau cara yang lebih mudah adalah:

- 1) Layari [www.google.com](http://www.google.com)
- 2) Taip 'He's Able Daniel Lee' (dalam bahasa Inggeris).
- 3) Klik pautannya dan tontonlah video YouTube.

Video menunjukkan seorang budak lelaki bernama Daniel Lee yang menyanyikan lagu itu. Cuba dengar apa yang dinyanyikannya...

He's able, He's able, I \_\_\_\_\_ He's able,  
I know \_\_\_\_\_ is able to \_\_\_\_\_ through.  
He heals the \_\_\_\_\_, And He sets the \_\_\_\_\_ free,  
He makes the \_\_\_\_\_ to walk again,  
And He causes the \_\_\_\_\_ to see!  
*(Jawapan di mukasurat terakhir)*

Inilah terjemahannya dalam Bahasa Malaysia:

**Dia sanggup, Dia sanggup, Kutahu Dia sanggup,  
Kutahu Dia sanggup menolongku.  
Yang sedih dihiburkan, Lepaskan tawanan,  
Yang lumpuh disembuhkan, Yang buta melihat!**

...dia comel, kan?



## Cuba selesaikan ini!

(harapan) Hope = 4673

- Petunjuk : 1) Ambil telefon bimbit kamu.  
2) Buka paparan mesej teks.  
3) Picit nombor ini: 4673 (Pastikan kamu dalam ‘dictionary mode’)

Faham?

John **7375433**, “If you have **896 744787, 4483 663** to the **7667**. If you **4283** food, **74273** it with **84673** who **273 486479**.”

*(Jawapan di muka surat terakhir)*

Ayat di atas adalah jawapan Yohanes kepada orang yang ingin berbaik semula dengan Tuhan.

Sikap murah hati kepada orang miskin dan keinginan untuk menolong mereka adalah perbuatan yang sangat menyenangkan hati Tuhan. Orang yang diceritakan oleh Yesus adalah orang yang sakit, lapar, sunyi dan sedih.

Jika kita mengambil masa bersama-sama Tuhan dan menerima kasih-Nya dalam hati kita, kita akan mengerti hati Tuhan terhadap orang miskin, yang kekurangan dan yang diperlakukan dengan tidak adil.

Di Malaysia, ada ramai orang yang luka hati dan mereka memerlukan Yesus. Kita mengenal Tuhan & telah menerima harapan dan kasih daripada-Nya. Oleh itu, Tuhan ingin supaya kita menolong orang yang ada keperluan. Yesus berkata dalam Matius 25:40b: ‘Ketahuilah, manakala kamu melakukan perkara itu untuk salah seorang daripada saudara-Ku, walaupun dia hina, kamu telah melakukannya untuk-Ku!’

Kita boleh mula menolong mereka dengan berdoa & berpuasa untuk orang yang luka hati tersebut.

**Minggu 5: “Dia telah memilih aku dan mengutus aku untuk menghabarkan berita baik kepada orang miskin, untuk memulihkan orang yang hancur hati, untuk mengumumkan kemerdekaan kepada orang tawanan, dan pembebasan kepada orang di dalam penjara. Dia telah mengutus aku untuk mengisyiharkan ketibaan masa bagi TUHAN untuk menyelamatkan umat-Nya, dan mengalahkan musuh-musuh mereka. Dia telah mengutus aku untuk menghiburkan orang yang berduka.” -**

**Yesaya 61: 1b – 2a (AlKitab BM)**

Pada minggu ini, kita akan mendoakan bagi orang yang LEMAH dan MENDERITA.

### **5 September, Ahad - Orang Miskin**

*Doa: Orang Kristian akan melihat betapa pentingnya menolong orang miskin.*

Tuhan mengasihi orang miskin. Di Malaysia, ramai orang tidak mempunyai cukup pakaian, atau makanan. Rumah mereka tidak mempunyai cukup bilik untuk semua... dan ada juga yang tidak mempunyai rumah!

Ada banyak cara untuk menolong orang miskin: menyumbangkan pakaian atau wang kepada badan kebaikan melalui gereja... atau membeli makanan untuk orang yang lapar kerana tiada makanan. Kamu juga boleh mendoakan keperluan mereka, dan minta Tuhan untuk menunjukkan cara menolong mereka. Ingatlah akan satu perkara: Kamu mesti selalu tanya orang dewasa apabila kamu ingin menolong orang yang tidak dikenali. Walaupun menolong orang itu penting, kamu mesti berhati-hati kerana ada juga orang yang berpura-pura memerlukan pertolongan tetapi sebenarnya mereka hanya menipu.

Berdoalah dan minta Tuhan menunjukkan satu cara untuk menolong orang miskin. Mintalah kepada Tuhan untuk menolong kamu melihat betapa susahnya kehidupan mereka, dan minta Dia menolong kamu supaya murah hati!



## 6 September, Isnin - Orang Pendatang

*Doa: "Orang Kristian akan baik hati kepada pendatang (orang yang bukan berasal dari Malaysia) dan menolong mereka dengan keperluan mereka.*

Orang yang kamu paling biasa mungkin pembantu rumah kamu, atau kawan pembantu rumah kamu. Biasanya, mereka berasal dari negara seperti Indonesia atau Filipina. Pendatang yang lebih miskin bekerja sebagai pengawal keselamatan, pencuci dan pelayan restoran. Ada juga pendatang yang datang dengan tiada kebenaran rasmi, dan mereka tinggal di negara kita dengan rasa takut. Sedihnya, ada beberapa orang tempatan yang melakukan hal yang tidak adil kepada pendatang kerana tahu mereka tidak dapat meminta tolong daripada kerajaan. Ada ramai orang pendatang di Malaysia.

Adakah kamu mengenal seorang pendatang? Berdoalah untuk orang ini. Mintalah Tuhan untuk memberkati dia, dan memberi dia cukup makanan, pakaian dan wang. Juga berdoalah agar Tuhan menjaga orang ini supaya dia selamat.


## 7 September, Selasa - Orang Tua

*Doa: "Orang tua di Malaysia akan dijaga & dikasih oleh anak-anak atau saudara mereka.*

Kebanyakan Orang Tua di Malaysia sudah berhenti bekerja, dan perlu bergantung pada anak-anak atau saudara untuk menjaga mereka. Biasanya mereka ada banyak masa, dan kadang-kadang merasa sunyi jika tiada sesiapa yang berbual-bual dengan mereka atau tinggal bersama-sama mereka. Ada yang sakit, dan memerlukan anak-anak atau saudara untuk menjaga mereka dengan lebih baik.

Ingatlah pada satu Orang Tua yang kamu kenal. Mungkin dia adalah nenek atau datuk kamu, atau saudara yang lebih tua. Mungkin juga dia jiran yang kamu kenal, atau seorang yang kamu pernah jumpa. Berdoalah untuk dia. Minta Tuhan untuk memberi orang ini kekuatan, dan kegembiraan. Berdoalah agar anak-anaknya atau saudaranya akan memelihara, dan baik hati, menghormati & mengambil masa bersama-sama dengan orang ini.

Tuhan memelihara orang tua dan ingin supaya mereka dihargai dan dipelihara dengan baik!





## 8 September, Rabu - Penderaan Anak

*Doa: Tuhan akan melindungi anak-anak daripada penderaan dengan mengutus lebih ramai orang untuk menolong mereka.*

Sedihnya, ada ramai anak di Malaysia yang mengalami perlakuan salah daripada orang yang sepatutnya menjaga mereka. Beberapa orang antara anak-anak ini dipukul dengan teruk, dan mereka tidak tahu bagaimana mendapat pertolongan.

Berdoalah agar lebih ramai orang menolong anak-anak yang didera. Berdoalah agar Tuhan mengirimkan pertolongan dengan segera, dan supaya pendera akan dihukum. Berdoalah juga agar anak itu beransur pulih, dan mempunyai orang yang mengasihi dan menjaga dia.

## 9 September, Khamis - Pengguguran Anak

*Doa: Pengguguran Anak (pembunuhan anak yang belum lahir) akan berhenti di Malaysia.*

Pengguguran anak adalah perbuatan yang salah kerana anak dibunuh sebelum pun anak itu lahir. Ada ibu-ibu yang menggugurkan anak mereka kerana mereka belum berkahwin, dan mereka tidak mempunyai cukup wang untuk menjaga anak itu, atau mereka telah dipaksa untuk mempunyai anak. Bagaimanapun, membunuh anak yang belum lahir tetap bererti mencabut nyawanya, dan perbuatan ini salah.

Berdoa agar Tuhan menolong ibu-ibu untuk mengambil keputusan yang betul dan tidak menggugurkan anak. Berdoa juga agar ada wang yang cukup dan bantuan yang diberi kepada ibu-ibu yang membuat keputusan untuk memelihara anak mereka.



HUNGRY





## 10 September, Jumaat - Pemuda-pemudi yang Belum Mengenal Tuhan Yesus

*Doa: Pemuda-pemudi yang menjadi ‘pengacau’ dengan melanggar undang-undang akan berubah dan berhenti berbuat salah dalam kehidupan mereka.*

Ada beberapa orang pemuda-pemudi yang menjadi ‘pengacau’ dan melakukan banyak hal yang salah. Mereka mencuri, merosakkan harta benda awam, terlalu bising pada waktu malam, dan memandu kereta atau motosikal dengan tidak mempedulikan keselamatan mereka sendiri dan orang lain.

Marilah berdoa agar Tuhan menolong pemuda-pemudi ini untuk mengambil keputusan berbuat yang betul. Minta Tuhan menolong mereka mencari jalan yang lebih baik untuk melepaskan kemarahan dan kesedihan mereka. Minta Tuhan untuk mengutus lebih ramai orang untuk menolong mereka.

## 11 September, Sabtu - Penagih Dadah

*Doa: Lebih ramai orang akan menolong Penagih Dadah untuk berhenti daripada tabiat buruk ini.*

Penagih Dadah sukar berhenti daripada tabiat buruk ini, dan ini juga mendatangkan banyak masalah kepada mereka. Mereka membahayakan diri mereka kerana mengambil dadah akan merosakkan kesihatan tubuh, dan mungkin mereka akan melakukan hal-hal yang berbahaya dan salah kerana tidak dapat berfikir dengan betul.

Berdoalah agar lebih ramai orang yang mahu dan yang terlatih untuk menolong Penagih Dadah. Berdoa juga agar Penagih Dadah ada kemahuan untuk berubah dan berhenti daripada kebiasaan buruk ini.





## Generasi Penerus

Marilah kembali kepada cerita Yosua & Caleb...

Yosua & Kalib berbeza daripada 10 orang kawan mereka. Mereka tidak takut pergi ke Tanah Perjanjian dan berperang melawan musuh mereka... adakah kamu ingat sebabnya?

Mereka melihat kepada Tuhan dan bukan kepada masalah!

Yosua & Caleb dibenarkan masuk ke Tanah Perjanjian, tetapi semua orang Israel lain yang sama umur dengan Yosua & Caleb tidak dibenarkan masuk. Hanya anak-anak orang Israel ini (generasi muda) dibenarkan masuk ke Tanah Perjanjian.

Akhirnya, siapakah yang masuk ke Tanah Perjanjian?

Hanya Yosua & Caleb, dan generasi muda!

Mereka menjadi generasi penerus Israel yang masuk ke Tanah Perjanjian, dan menerima segala sesuatu yang telah dijanjikan Tuhan!

Yosua menjadi ketua generasi penerus Israel yang masuk ke Tanah Perjanjian.

### *Sebelum masuk ke Tanah Perjanjian...*

Musa melakukan dua hal untuk menolong generasi ini.

Pertama, dia mendorong Yosua dalam tugas barunya.

Kedua, dia memberi nasihat kepada generasi penerus tentang hal-hal yang harus mereka lakukan.

Satu nasihat penting yang diberikan oleh Musa kepada mereka adalah yang berikut: Mereka mesti mengikut perintah Tuhan dengan SEPENUH HATI dan mereka harus menyampaikan perintah ini dengan berulang-ulang kali kepada anak-anak mereka.

## ***Mengapakah mereka perlu mengulangi perintah ini sampai berulang kali kepada anak-anak mereka?***

Musa berkata, "Ingatlah bahawa sekarang saya tidak bercakap kepada anak-anak kamu. Lagipun mereka belum pernah mengalami disiplin daripada Tuhan Allah kamu atau melihat kebesaran-Nya serta perbuatan-Nya yang berkuasa... tetapi kamu sendiri telah melihat Tuhan melakukan semua perbuatan yang besar itu!"

### ***Oleh itu, inilah yang kita boleh belajar...***

Sama seperti Yosua dan generasi penerus Israel yang belajar daripada Musa, kita juga perlu belajar daripada pak cik dan mak cik di gereja, yang merupakan generasi tua.

Generasi tua mempunyai kebijaksanaan yang boleh menolong kita.

Selain itu, apabila kamu menjadi lebih tua pada masa akan datang, kamu juga perlu menyampaikan pengetahuan kamu tentang Tuhan kepada anak-anak kamu! Sama seperti Yosua dan generasi penerus Israel yang telah belajar hal-hal yang belum dipelajari oleh anak-anak mereka, kamu juga perlu memberitahu anak-anak kamu semua perkara yang telah kamu pelajari! Mengapa? Supaya mereka tidak melakukan kesalahan yang sama! Dan supaya mereka berbuat perkara yang betul!

Inilah MINGGU TERAKHIR masa Doa & Puasa kita... Saya saaaaangat bangga dengan kamu semua! Marilah menamatkan Doa & Puasa ini dengan baik & terus berdoa dengan lebih bersemangat!

**Minggu 6: “Marilah, hai anak-anak semua dan dengarlah nasihatku, aku akan mengajar kamu menghormati TUHAN.” - Mazmur 34:12 (AlKitab BM)**

Pada minggu ini, kita akan berdoa untuk generasi Kristian yang tua & muda. Kita akan berdoa supaya generasi tua akan MENGAJAR generasi muda (kita)... dan agar generasi muda akan BELAJAR daripada generasi tua.

### **12 September, Ahad - Anak Mahu Belajar Daripada Orang Dewasa**

*Doa: Generasi muda akan rendah hati supaya boleh belajar daripada generasi tua.*

Tulis nama 3 orang guru Kristian di gereja/sekolah kamu:

---

---

---

Minta Tuhan untuk menolong kamu mendengarkan ajaran mereka kepada kamu dari hal Tuhan.

### **13 September, Isnin - Orang Dewasa Mahu Mengajar Anak**

*Doa: Tuhan akan memberi generasi tua keinginan untuk mengajar generasi muda.*

Berdoa supaya:

- Mereka sedar bahawa mengajar orang muda adalah sangat penting.
- Mereka akan memberi masa untuk mengajar orang muda.
- Mereka ada keberanian untuk mengajar orang muda.
- Tuhan akan memberi mereka tenaga dan kegembiraan.

### **14 September, Selasa - Tuhan Memberi Kebijaksanaan Kepada Orang Dewasa**

*Doa: Generasi tua akan tahu apa yang harus mereka ajarkan kepada generasi muda & cara yang terbaik untuk menolong generasi muda untuk belajar.*

Berdoalah untuk guru-guru kamu di gereja. Berdoa supaya Tuhan memberi mereka pelajaran yang baik untuk diajarkan supaya kamu boleh bertumbuh. Berdoa juga agar mereka tahu cara untuk membuat pelajaran itu seronok & mudah diingat!





## 15 September, Rabu - Tuhan Memberi Pengertian Kepada Anak-anak

*Doa: The younger generation will understand how to apply what the older generation has taught them. Generasi muda akan mengerti cara melakukan apa yang diajarkan oleh generasi tua.*

Adakah kamu tahu bagaimana menggunakan apa yang diajarkan oleh guru-guru kepada kamu?

Berdoalah agar Tuhan akan menolong kamu dengan cepat dan betul tentang pelajaran yang kamu telah belajar daripada guru-guru kamu. Berdoalah agar kamu akan tahu menggunakan setiap hari; di sekolah, di rumah, atau di mana sahaja.

## 16 September, Khamis (Hari 1Malaysia!!) - Orang Dewasa & Anak-anak akan bekerjasama untuk Tuhan!

*Doa: Generasi tua dan muda akan saling menghormati & mengasihi dan dapat bekerjasama untuk Tuhan!*

Inilah HARI TERAKHIR doa dan puasa kita. Inilah juga Hari Kemerdekaan! Selamat Merdeka!!

Hari ini, kita akan menaikkan doa yang amat berkuasa... agar Tuhan menyatupadukan generasi tua dan muda.

Berdoa agar Tuhan akan menolong generasi tua dan muda untuk bersikap RENDAH HATI dan MENGHORMATI satu sama lain. Berdoa agar kedua-dua generasi ini akan MENOLONG satu sama lain. Berdoa agar mereka bersama-sama BERTUMBUH & MENGASIHI supaya orang yang melihat kita akan memuji BAPA KITA DI SYURGA! Dalam nama Yesus kita berdoa, AMIN!!



## **TAHNIAH!!**

Kamu sudah menamatkan 40 HARI Doa & Puasa!! Saya sangat, sangat bangga dengan kamu!!

Berdoalah Doa Penutup bersama dengan kawan kamu.

**Terima kasih Bapa atas masa Doa & Puasa yang sangat baik. Terima kasih atas kawan saya, kerana kami dapat menolong satu sama lain untuk berjuang dalam masa Doa dan Puasa. Terima kasih kerana kami telah menjadi lebih dekat kepada-Mu, dan Engkau telah berfirman ke dalam hati kami melalui Roh Kudus. Kami memberkati nama-Mu, Bapa dan Tuhan kami! Amin.**

Masa Doa & Puasa yang kita telah lakukan adalah masa yang sangat baik.

Sekarang kamu sudah mempunyai kebiasaan yang baik untuk berdoa SETIAP HARI tentang HAL-HAL YANG PENTING BAGI TUHAN, jadi jangan hentikan kebiasaan yang baik ini! Saya mencabar kamu untuk MENERUSKANNYA... supaya kamu boleh TERUS BERTUMBUH... dan menjadi ORANG KUAT & BERANI UNTUK TUHAN. Adakah saya mendengar AMIN??

Ya, jumpa lagi tahun depan!!



## JAWAPAN

### *Minggu 4 – Generasi Yosua*

Lihat Tuhan, bukan masalah!

---

### *Minggu 5 – Dia Sanggup*

He's able, He's able,  
I know He's able,  
I know my Lord is able to carry me through.  
He heals the broken hearted,  
And He sets the captives free,  
He makes the lame to walk again,  
And He causes the blind to see!

---

### *Minggu 5 –Cuba selesaikan ini!*

Lukas 3: 11

Jawabnya: “Barangsiapa mempunyai dua helai baju, hendaklah ia membaginya dengan yang tidak punya, dan barangsiapa mempunyai makanan, hendaklah ia berbuat juga demikian.





# **MENYATUPADUKAN GENERASI**

**Menabur melalui tabungan makan anda.  
Gunakan sampul surat yang disediakan.**

**Nota: Untuk maklumat lebih lanjut mengenai setiap negeri dan  
wilayah persekutuan, sila layari laman web kami.**



32, SS2/103, 47300 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
03 7727 8227 (t) • 03 7729 1139 (f) • [enquiries@necf.org.my](mailto:enquiries@necf.org.my) • <http://www.necf.org.my>